

Pengaruh Gaya Kepimpinan Jurulatih terhadap Kepuasan Atlet di Sekolah Sukan Malaysia

IKHTISAR: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan faktor gaya kepimpinan jurulatih terhadap kepuasan atlet sekolah sukan. Seramai 206 orang atlet dari dua buah sekolah sukan di Malaysia telah dipilih dengan menggunakan pensampelan rawak mudah dilibatkan dalam kajian ini. Kajian ini adalah satu kajian kuantitatif bukan eksperimen dengan menggunakan kaedah tinjauan untuk menjawab objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan gender yang signifikan ($t = -.747, df = 204, p > 0.05$) gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan jantina. Walau bagaimanapun, dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan ($t = 2.379, df = 197.943, p < 0.05$) gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan kategori sukan. Selain daripada itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan ($r = .586, p < .05$) antara gaya kepimpinan jurulatih dari semua dimensi dengan kepuasan atlet. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa dimensi latihan dan arahan merupakan pengaruh dominan yang signifikan ($\beta = .68, t(206) = 13.497, p < .05$) bagi gaya kepimpinan jurulatih terhadap kepuasan atlet. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan dan pengaruh gaya kepimpinan jurulatih terhadap kepuasan atlet.

KATA KUNCI: Gaya kepimpinan, jurulatih, kepuasan atlet, sekolah sukan, prestasi atlet, faktor intrinsik dan ekstrinsik, serta latihan dan arahan.

ABSTRACT: This paper entitled "The Influence of Coaches Leadership Style towards the Athletes' Satisfaction at Malaysian Sports Schools". The purpose of this study was to identify the effects of coaches' leadership style on athletes' satisfaction. Participants consist of athletes ($n = 206$) were randomly selected from the two Malaysian Sports Schools. The study adopted a survey-based non experimental quantitative research design. The result showed that there was no significant gender differences ($t = -.747, df = 204, p > 0.05$) on coaches' leadership style among the athletes. However, there was significant difference ($t = 2.379, df = 197.943, p < 0.05$) on coaches' leadership styles among athletes based on the category of sports. Furthermore, results also showed that the relationship between coaches' leadership style (all dimensions) and athletes' satisfaction was positive and significant ($r = .586, p < .05$). Results also showed that training and instruction dimension was the primary predictor ($\beta = .68, t(206) = 13.497, p < .05$) for coaches' leadership style. The result of the analysis indicated that the coaches' leadership style is directly correlated to athletes' satisfaction, and could be a predictor of athletes' satisfaction.

KEY WORD: Leadership style, coaches, athlete satisfaction, sports school, athletes' achievement, internal and external factors, and training and instruction.

PENDAHULUAN

Kejayaan seseorang atlet, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya ialah faktor intrinsik atlet, bantuan moral dari pihak keluarga, prestasi kemahiran yang semakin baik, dan gaya kepimpinan jurulatih (Abd Aziz, 2005). Selain itu, terdapat juga faktor ekstrinsik yang menyebabkan atlet cemerlang, seperti faktor kepuasan kerja

jurulatih, pengurusan program latihan yang dijalankan oleh seseorang jurulatih, faktor pengiktirafan dan penghargaan seperti wang, pingat kecemerlangan, serta gelaran yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu.

Sementara itu, dari aspek gaya kepimpinan pula, jurulatih yang berkesan pasti berjaya mempengaruhi suasana dan sikap atlet terhadap beban tugas dan tanggungjawab yang diberikan. Secara tidak langsung, ini

dapat meningkatkan lagi kepuasan dan prestasi atlet sendiri. Situasi ini berlaku kerana adanya interaksi antara jurulatih dengan atlet. Menurut D.E. Foush & R.J. Troppman (1981), interaksi antara jurulatih dan atlet merupakan kriteria yang penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu program latihan. Interaksi ini selalunya berkadar terus, iaitu hubungan yang baik antara jurulatih dan atlet akan membawa kejayaan kepada atlet; dan sebaliknya, jika berlaku hubungan yang tidak baik antara jurulatih atau pengurus dengan atlet, maka prestasi atlet akan menurun dan gagal mencapai kejayaan dalam pertandingan yang disertainya.

Kenyataan ini dikukuhkan lagi oleh C. Greenleaf, D. Gould & K. Dieffenbach (2001), yang menyatakan hubungan jurulatih dan atlet telah menunjukkan bahawa sememangnya terdapat kesan terhadap kepuasan, pencapaian prestasi, dan kualiti yang dicapai dalam kehidupan. Mereka menyatakan bahawa atlet musim panas USA (*United States of America*) tahun 1996, yang menunjukkan prestasi yang tidak diharapkan, merasakan berlakunya konflik dengan jurulatih. Jurulatih yang tidak dapat menangani kontroversi dan kurang fokus terhadap pasukan menjadi punca kepada pencapaian atlet yang kurang memuaskan; sementara jurulatih yang memberi respons yang positif terhadap atlet memberikan kesan yang positif kepada pencapaian dan kepuasan atlet (Greenleaf, Gould & Dieffenbach, 2001).

Interaksi yang baik antara atlet dengan jurulatih dan pengurus akan menghasilkan *output* yang baik; dan perkara ini dapat dilihat melalui Model Kepimpinan Multidimensi (Chelladurai, 1990) yang mengatakan bahawa kejayaan dan kepuasan sub-ordinat, sama ada atlet atau ahli, mempunyai perkaitan dengan ketiga-tiga aspek, iaitu tingkah-laku sebenar (*actual*), tingkah-laku yang disukai (*preferred*), dan tingkah-laku yang diperlukan (*required*). Oleh yang demikian, salah satu faktor yang menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan seseorang atlet dalam sesuatu pertandingan adalah disebabkan oleh interaksi mereka dengan jurulatih yang berkenaan.

Oleh yang demikian, gaya kepimpinan seseorang jurulatih ketika berinteraksi dengan atlet semasa mengurus program latihan,

sama ada ketika *offsite competition* atau *onsite competition*, memberi kesan terdapat kepuasan atlet. Proses interaksi antara jurulatih dengan atlet adalah satu komponen yang sangat penting untuk meningkatkan prestasi dan kepuasan seseorang atlet (Serpa, Pataco & Santos, 1991; Gibbons *et al.*, 2003; dan Frontiera, 2006). Gaya kepimpinan seseorang jurulatih memainkan peranan yang penting dalam konteks sukan, bagi mengekalkan hubungan antara jurulatih dengan atlet. Amalan kepimpinan yang diamalkan oleh jurulatih boleh meningkatkan keberkesanan bagi individu atau pasukan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan atau disasarkan (Barrow, 1977).

Menurut B.M. Bass (1985), kepimpinan adalah satu tindak balas antara dua atau lebih ahli dalam kumpulannya, yang sering melibatkan diri dalam struktur dan penstrukturan semula serta persepsi ahli-ahli dalam sebuah organisasi. Kepimpinan adalah satu topik yang hangat dibincangkan dan pasti terus dibincangkan serta dibahasakan. Kajian kepimpinan telah menjadi lebih kritis dalam memahami keberkesanan sesebuah organisasi (Chelladurai & Kent, 2001).

Sementara itu, J.C. Barrow (1977) pula menyatakan bahawa kepimpinan adalah sebagai proses perlakuan individu dan kumpulan bagi merancang untuk mencapai matlamat dan objektif sebuah pasukan atau organisasi. Beliau juga menekankan bahawa dalam era sukan multidimensi ini, kepimpinan dinyatakan dalam proses merancang teknik motivasi, memberi maklum balas perhubungan dalaman, dan mengarah serta membuat penilaian kumpulan atau pasukan supaya menjadi lebih yakin dengan tahap kemampuan mereka.

B.V. Gert *et al.* (2007) juga menyatakan bahawa matlamat utama jurulatih dalam melatih atlet remaja adalah untuk meningkatkan prestasi mereka dari segi teknikal, taktikal, dan fizikal. Antara kepakaran yang perlu dikuasai seseorang jurulatih ialah gaya kepimpinannya semasa melatih atlet. Terdapat beberapa gaya kepimpinan yang boleh digunakan oleh seseorang jurulatih. Antaranya, gaya kepimpinan jurulatih yang dinyatakan oleh P. Hersey & K.H. Blanchard (1982).

Pertamanya, *autokratik* iaitu jurulatih yang selalunya mendominasi dalam segala hal dan keputusan muktamad adalah datangnya dari jurulatih sendiri. Gaya kepimpinan *autokratik* bermakna jurulatih mempunyai kuasa mutlak dalam membuat keputusan. Keduanya, *konsultasi* iaitu gaya kepimpinan yang dilaksanakan dengan jurulatih berkongsi maklumat, masalah, dan idea bersama atlet di bawah bimbingannya. Selain itu jurulatih juga meminta idea-idea dari atlet untuk dibincangkan bersama sebelum keputusan akhir dibuat. Ketiganya, *penyertaan* iaitu gaya kepimpinan yang digunakan oleh jurulatih untuk berbincang dengan atlet secara kolektif dan atlet membuat undian ataupun keputusan dibuat berdasarkan majoriti ataupun suara ramai dalam kalangan atlet. Dan akhir sekali, *delegasi* iaitu jurulatih membuat keputusan dan kemudiannya mewakili kepada atlet untuk melaksanakan aktiviti (Hersey & Blanchard, 1982).

Semasa mengendalikan dan menguruskan sesebuah pasukan, sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri, mahupun negara, seseorang jurulatih dan pengurus pasukan seharusnya mempunyai gaya kepimpinan yang tersendiri. Gaya kepimpinan jurulatih dalam latihan penting, kerana ini merupakan salah satu faktor untuk atlet mencapai kepuasan dan kejayaan yang cemerlang dalam kejohanan yang disertainya.

Antara faktor yang paling ketara, yang menyebabkan atlet tidak berpuas hati, ialah jurulatih tidak mempunyai gaya kepimpinan yang tertentu semasa mengendalikan program latihan. Atlet lelaki dan atlet perempuan, atau atlet dari sukan individu atau sukan berpasukan, memerlukan gaya kepimpinan spesifik yang digunakan oleh jurulatih untuk atlet mencapainya kepuasan, sama ada semasa mahupun selepas program latihan dilaksanakan. Kenyataan ini disokong oleh A. Cakioglu (2003) dan Ziad al-Tahayneh (2003) yang menyatakan bahawa jurulatih tidak mempunyai gaya kepimpinan yang tertentu semasa mengendalikan program latihan bersama atlet.

Oleh yang demikian, harus dikaji gaya kepimpinan yang bersesuaian agar atlet dapat menjalani latihan dan menyertai sesuatu

kejohanan dalam suasana yang tenang, kondusif, dan dapat meningkatkan motivasi atlet untuk bersaing dalam sesuatu kejohanan. Seterusnya, atlet merasa puas terhadap latihan yang diberikan. Di samping itu, latihan yang diberikan juga bertujuan untuk meningkatkan prestasi dan kepuasan atlet.

Oleh kerana itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji gaya kepimpinan jurulatih yang dapat meningkatkan kepuasan atlet. Ini disebabkan, gaya kepimpinan jurulatih memainkan peranan penting dalam menarik minat atlet agar mereka seronok dan merasa puas terhadap latihan yang dirancang. Selain daripada itu, kadang kala jurulatih yang dilantik atau dipilih mempunyai pengalaman sebagai pemain, tetapi mempunyai asas yang sangat kurang dalam penekanan dari aspek sains sukan, seperti aspek pengetahuan. Ini menyebabkan terdapat segelintir atlet merasa tidak puas hati, yang menyebabkan prestasi mereka merosot.

Selain daripada itu, terdapat juga jurulatih yang mempunyai asas kejurulatihan yang baik, tetapi tidak mempunyai gaya kepimpinan dan tidak berpuas hati terhadap kerja, yang akhirnya menyebabkan prestasi dan kepuasan atlet menurun (Din, 2010). Kenyataan ini adalah bertepatan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh A. Cakioglu (2003), yang menyatakan bahawa perkara yang hampir sama berlaku di Turki, iaitu kurangnya penekanan antara gaya kepimpinan dengan kepuasan atlet.

Kesimpulannya, kepuasan atlet dalam sukan yang diceburinya, sama ada individu atau sukan berpasukan, bukan sahaja disebabkan oleh faktor-faktor intrinsik atlet, tetapi juga dipengaruhi oleh faktor-faktor eksternal, seperti gaya kepimpinan jurulatih yang berkesan.

OBJEKTIF, HIPOTESIS, DAN KAEDAH KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini bertujuan mengenal pasti gaya kepimpinan jurulatih yang dapat memberikan kesan ke atas kepuasan atlet sekolah sukan. Objektif ini diperincikan kepada tiga objektif, seperti berikut: (1) Mengetahui sama ada terdapat perbezaan gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet sekolah sukan berdasarkan demografi atlet; (2) Melihat hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih

dengan kepuasan atlet sekolah sukan; serta (3) Mengenal pasti faktor yang paling berpengaruh bagi gaya kepimpinan jurulatih terhadap kepuasan atlet sekolah sukan.

Berdasarkan objektif kajian yang telah dibina, terdapat lima hipotesis kajian yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini, aras signifikan 0.05 digunakan bagi tujuan melaksanakan data statistik inferens. Hipotesis-hipotesis tersebut adalah: (1) H_{01} : “Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan jantina”; (2) H_{02} : “Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan kategori sukan”; (3) H_{03} : “Tidak terdapat perbezaan yang signifikan gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan tahap penglibatan atlet dalam sukan”; (4) H_{04} : “Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet”; serta (5) H_{05} : “Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara gaya kepimpinan jurulatih terhadap kepuasan atlet”.

Kajian ini adalah satu penyelidikan yang berbentuk perbandingan dan pengaruh sebagai kajian untuk melihat hubungan antara satu pemboleh ubah dengan pemboleh ubah yang lain. Reka-bentuk kajian adalah kajian tinjauan berbentuk secara kuantitatif, bukan eksperimen yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Mohd Najib Gaffar (2000) menyatakan bahawa penggunaan kajian secara kuantitatif membolehkan data didapati melalui pengukuran objektif.

Kajian ini pula menggunakan borang soal selidik; dan menurut E.R. Babbie (2001), soal selidik amat sesuai digunakan untuk mendapatkan data yang dikehendaki. Selain itu, menurut Mohd Najib Gaffar (2000), teknik pengumpulan data menggunakan soal selidik sesuai digunakan, kerana teknik ini bersesuaian dengan reka bentuk yang dipilih; selain itu, kajian ini sesuai untuk mendapatkan maklumat tentang fakta.

Kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah kajian tinjauan (*survey*) kerana, menurut Chua Yan Piaw (2006a), kaedah ini merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang paling popular, yang digunakan dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam bidang sains sosial. Pelaksanaan kaedah

ini melalui pemberian soal selidik, yang merupakan cara paling sesuai digunakan untuk mendapatkan data dalam populasi yang besar.

Kajian ini dilakukan merangkumi semua atlet, sama ada yang mewakili MSSM (Majelis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia), SUKMA (Sukan Malaysia), Sukan SEA (South East Asia), mahupun Sukan Asia di dua buah sekolah sukan Malaysia. Pertamanya, penyelidik menggunakan kaedah pensampelan kebarangkalian. Seterusnya, penyelidik memilih subjek dengan menggunakan pensampelan secara rawak berlapis; dan akhir sekali, menggunakan pensampelan rawak mudah. Hal ini disebabkan rangka pensampelan adalah heterogen, iaitu mempunyai sub-sub sampel seperti jantina, kategori sukan, dan tahap penglibatan dalam sukan.

Menurut Chua Yan Piaw (2006b), penggunaan pensampelan rawak berlapis sesuai digunakan bagi memperoleh suatu sampel rawak. Set soal selidik ini dibahagikan kepada 3 bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C. Bahagian A adalah berkaitan dengan demografi responden seperti jantina, kategori sukan, dan tahap penglibatan dalam sukan. Manakala Bahagian B pula terdiri dari soal selidik untuk soal selidik Skala Kepimpinan Sukan. Bahagian C pula adalah soal selidik Kepuasan Atlet.

Bagi soal selidik untuk Bahagian B, soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik Skala Kepimpinan Sukan atau *Leadership Scale for Sport (LSS)*, yang telah dibentuk dan dibangunkan oleh P. Chelladurai & S.D. Salleh (1980), yang kemudiannya telah diterjemahkan oleh Shaharudin Abd Aziz (2005). Soal selidik ini merangkumi 43 item yang bertujuan untuk mengukur lima dimensi tingkah-laku pemimpin atau jurulatih. Tingkah-laku dimensi latihan dan arahan mempunyai tiga belas item; tingkah-laku dimensi demokratik mempunyai sembilan item; tingkah-laku dimensi autokratik mempunyai lapan item; tingkah-laku dimensi sokongan sosial mempunyai lapan item; dan tingkah-laku dimensi maklum balas positif mempunyai lima item.

Nilai kebolehpercayaan soal selidik LSS adalah antara .79 hingga .90 (Chelladurai & Salleh, 1980; dan Chelladurai et al., 1988). Manakala nilai kebolehpercayaan yang dicatatkan oleh Shaharudin Abd Aziz

Jadual 1:
 Bilangan Atlet Berdasarkan Penglibatan dalam Sukan

Tempoh Masa Bersukan (Tahun)	Kekerapan	Peratus
4.00	38	28.0
5.00	30	14.6
6.00	24	11.7
7.00	46	22.3
8.00	24	11.7
9.00	13	6.3
10.00	8	3.9
13.00	3	1.5
	206	100.0

n = 206

Jadual 2:
 Bilangan Atlet Berdasarkan Tahap Penglibatan dalam Sukan

Tahap Penglibatan	Kekerapan	Peratus
Negeri (MSSM)	62	30.1
Negeri (SUKMA)	47	22.8
Negara	97	47.1
	206	100.0

n = 206

(2005) adalah .86 bagi dimensi latihan dan arahan, .81 bagi dimensi demokratik, .80 bagi dimensi maklum balas positif, .76 bagi dimensi sokongan sosial, dan .52 bagi dimensi autokratik. Sementara nilai kebolehppercayaan yang diperoleh Lim Khong Chiu & Ahmad Tajuddin (2005) adalah berdasarkan nilai pekali Alpha Cronbach di antara .58 hingga .86 bagi setiap dimensi.

Seterusnya, Bahagian C menggunakan soal selidik Kepuasan Atlet atau ASQ (*Athlete Satisfaction Questionnaire*), yang telah dibangunkan oleh H.A. Riemer & P. Chelladurai (1997). Soal selidik ini terdapat 56 item dan telah dibahagikan kepada 15 sub-skala. Dalam kajian ini hanya 7 sub-skala sahaja yang digunakan, iaitu aspek pencapaian individu, aspek pencapaian pasukan, aspek strategi, aspek latihan dan arahan, aspek perpaduan pasukan, aspek dedikasi individu, dan aspek rawatan secara personal.

Kesemua item dalam soal selidik ASQ ini adalah sebanyak 35. Responden perlu menjawab setiap soalan dengan menggunakan Skala Likert lima poin. Nilai kebolehppercayaan soal selidik kepuasan atlet (ASQ), berdasarkan kepada kajian H.A. Riemer & P. Chelladurai

(1998) dan H.A. Reimer & K. Toon (2001), adalah pada Alpha Cronbach antara .78 hingga .99 bagi setiap sub-skala.

Bagi mendapatkan jumlah responden, seperti yang disasarkan untuk atlet, temu janji telah dilakukan terlebih dahulu melalui perbualan telefon dengan kedua pentadbir sekolah SSBJ (Sekolah Sukan Bukit Jalil) dan SSBP (Sekolah Sukan Bandar Penawar) di Malaysia. Setelah itu, kunjungan dan lawatan kedua-dua buah sekolah dilakukan dengan membuat temu janji terlebih dahulu bagi membolehkan subjek yang terlibat dapat hadir dan juga tidak bertembung dengan sebarang kejohanan yang disertai oleh subjek. Penerangan yang terperinci disampaikan kepada pentadbir, jurulatih sukan yang berkaitan, dan juga subjek kajian supaya mereka memahami tujuan kehadiran pengkaji ke sekolah mereka, tujuan kajian, kepentingan kajian, kepentingan maklum balas subjek, serta jaminan kesulitan soal selidik yang telah dilengkapkan (Issac & Michael, 1983).

Setelah perbincangan dengan pentadbir kedua-dua buah sekolah, maka program ini dilakukan pada waktu petang bermula jam 2.30 petang di SSBP; dan jam 8.30 malam di SSBJ

Jadual 3:
Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Jantina

Gaya Kepimpinan Jurulatih	Jantina	N	M	SD	t	df	p
Dimensi Latihan dan Arahan	Lelaki	104	3.994	.770	.179	204	.858
	Perempuan	102	3.973	.870			
Dimensi Demokratik	Lelaki	104	3.398	.640	-1.249	204	.213
	Perempuan	102	3.515	.700			
Dimensi Autokratik	Lelaki	104	2.942	.575	-1.231	204	.220
	Perempuan	102	3.046	.639			
Dimensi Sokongan Sosial	Lelaki	104	3.401	.672	-.492	204	.623
	Perempuan	102	3.452	.803			
Dimensi Maklum Balas Positif	Lelaki	104	3.605	.806	-.427	204	.670
	Perempuan	102	3.656	.907			
Keseluruhan Gaya Kepimpinan	Lelaki	104	3.468	.534	-.747	204	.456
	Perempuan	102	3.528	.624			

n = 206,

*Aras Signifikan: $p < 0.05$ (2 hujung)

pada tarikh yang berbeza. Masa yang diberikan adalah selama empat puluh lima minit. Seterusnya, kesemua borang dikumpulkan dan diproses dengan menggunakan program SPSS versi 18.0.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan jadual 1, seramai 135 atlet (70.5%) menyatakan penglibatan mereka dalam sukan adalah antara lima hingga sepuluh tahun. Sementara itu hanya 38 orang atlet (28.0%) terlibat dalam sukan hanya selama 4 tahun. Manakala seramai 3 orang atlet (1.5%) telah melibatkan diri dalam sukan selama 13 tahun.

Sementara itu, merujuk kepada jadual 2, dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan atlet adalah wakil negara, iaitu seramai 97 orang (47.1%), diikuti atlet yang mewakili negeri di peringkat MSSM (Majelis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia) seramai 62 orang (30.1%), dan atlet yang mewakili negeri di peringkat SUKMA (Sukan Malaysia) adalah seramai 47 orang (22.8%). Hampir 50% atlet yang dikaji adalah mewakili negara.

Berdasarkan jadual 3, ujian-t tidak bersandar telah digunakan untuk melihat perbezaan tahap gaya kepimpinan dalam kalangan atlet berdasarkan jantina. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min dimensi latihan dan arahan, dimensi demokratik, dimensi autokratik, dimensi sokongan sosial, dan dimensi maklum balas positif,

serta keseluruhan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jantina.

Oleh yang demikian, hipotesis nol 1 yang menyatakan “tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan jantina” adalah diterima.

Berdasarkan jadual 4, ujian-t tidak bersandar telah digunakan untuk melihat perbezaan tahap gaya kepimpinan dalam kalangan atlet berdasarkan kategori sukan individu dan sukan berpasukan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min dimensi autokratik, dimensi sokongan sosial, dan dimensi maklum balas positif.

Walau bagaimana pun, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi min dimensi latihan dan arahan ($t = 2.279$, $df = 187.940$; $p < .05$), min dimensi demokratik ($t = 2.687$, $df = 204$; $p < .05$), dan min keseluruhan gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet ($t = 2.379$, $df = 197.943$, $p < .05$) berdasarkan kategori sukan individu dan sukan berpasukan. Dapatan kajian ini didapati berbeza berdasarkan min dimensi latihan dan arahan bagi atlet sukan individu ($M = 4.117$, $SD = .620$) adalah lebih tinggi berbanding min dimensi latihan dan arahan atlet sukan berpasukan ($M = 3.865$, $SD = .949$) dengan perbezaan min sebanyak .252.

Manakala min dimensi demokratik bagi atlet sukan individu ($M = 3.587$, $SD = .617$) adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding

Jadual 4:
Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Kategori Sukan

Gaya Kepimpinan Jurulatih	Kategori Sukan	N	M	SD	t	df	p
Dimensi Latihan dan Arahan	Individu	97	4.117	.620	2.279	187.940	.024*
	Berpasukan	109	3.865	.949			
Dimensi Demokratik	Individu	97	3.587	.617	2.687	204	.008*
	Berpasukan	109	3.339	.698			
Dimensi Autokratik	Individu	97	3.014	.573	.450	204	.653
	Berpasukan	109	2.975	.639			
Dimensi Sokongan Sosial	Individu	97	3.524	.642	1.828	201.590	.069
	Berpasukan	109	3.339	.807			
Dimensi Maklum Balas Positif	Individu	97	3.744	.748	1.823	201.859	.070
	Berpasukan	109	3.530	.934			
Keseluruhan Gaya Kepimpinan	Individu	97	3.597	.480	2.379	197.943	.018*
	Berpasukan	109	3.410	.646			

n = 206,

*Aras Signifikan: $p < 0.05$ (2 hujung)

Jadual 5:
Perbezaan Gaya Kepimpinan Jurulatih dalam Kalangan Atlet Berdasarkan Tahap Penglibatan Atlet

Gaya Kepimpinan Jurulatih (Atlet)	Tahap Penglibatan Atlet	SS	df	MS	F	P
Dimensi Latihan dan Arahan	Antara Kumpulan	.779	2	.390	.578	.562
	Dalam Kumpulan	136.842	203	.674		
	Jumlah	137.621	205			
Dimensi Demokratik	Antara Kumpulan	.886	2	.443	.982	.376
	Dalam Kumpulan	91.579	203	.451		
	Jumlah	92.465	205			
Dimensi Autokratik	Antara Kumpulan	.611	2	.305	.823	.440
	Dalam Kumpulan	75.288	203	.371		
	Jumlah	75.899	205			
Dimensi Sokongan Sosial	Antara Kumpulan	4.632	2	2.316	4.385	.014*
	Dalam Kumpulan	107.211	203	.528		
	Jumlah	111.843	205			
Dimensi Maklum Balas Positif	Antara Kumpulan	3.836	2	1.918	2.656	.073
	Dalam Kumpulan	146.606	203	.722		
	Jumlah	150.441	205			
Keseluruhan Kepuasan Kerja	Antara Kumpulan	1.494	2	.747	2.244	.109
	Dalam Kumpulan	67.599	203	.333		
	Jumlah	69.093	205			

n = 206,

*Aras Signifikan: $p < 0.05$

min dimensi demokratik bagi atlet sukan berpasukan ($M = 3.339$, $SD = .698$) dengan perbezaan min sebanyak .248. Begitu juga dengan min keseluruhan gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet bagi sukan individu ($M = 3.597$, $SD = .480$) adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding min keseluruhan gaya kepimpinan jurulatih dalam

kalangan atlet ($M = 3.410$, $SD = .646$) dengan perbezaan min sebanyak .187.

Oleh yang demikian, hipotesis nol 2 yang menyatakan “tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan kategori sukan” adalah ditolak.

Berdasarkan jadual 5, ujian ANOVA (Analysis of

Jadual 6:

Perbandingan Post Hoc Tukey HSD Gaya Kepimpinan Jurulatih Berdasarkan Tahap Penglibatan Atlet dalam Sukan

Gaya Kepimpinan Jurulatih	Tahap Penglibatan (I)	Tahap Penglibatan (J)	Perbezaan Min (I-J)	p
Dimensi Sokongan Sosial	Negeri (MSSM)	Negeri (MSSM)		
		Negeri (SUKMA)	.060	.902
		Negara	.323(*)	.018
	Negeri (SUKMA)	Negeri (MSSM)	-.060	.902
		Negeri (SUKMA)		
		Negara	.262	.107
	Negara	Negeri (MSSM)	-.323(*)	.018
		Negeri (SUKMA)	-.262	.107
		Negara		

* Aras Signifikan: $p < 0.05$

Jadual 7:

Hubungan antara Gaya Kepimpinan Jurulatih dengan Kepuasan Atlet

Gaya Kepimpinan Jurulatih		Kepuasan Atlet
Dimensi Latihan dan Arahkan	Korelasi Pearson	.687(**)
	Sig. (2-hujung)	.000
Dimensi Demokratik	Korelasi Pearson	.493(**)
	Sig. (2-hujung)	.000
Dimensi Autokratik	Korelasi Pearson	.153(*)
	Sig. (2-hujung)	.028
Dimensi Sokongan Sosial	Korelasi Pearson	.434(**)
	Sig. (2-hujung)	.000
Dimensi Maklum Balas Positif	Korelasi Pearson	.461(**)
	Sig. (2-hujung)	.000
Keseluruhan Gaya Kepimpinan Jurulatih	Korelasi Pearson	.586(**)
	Sig. (2-hujung)	.000

n = 206

** Aras Signifikan: $p < 0.01$ (2-hujung).

* Aras Signifikan: $p < 0.05$ (2-hujung).

Varians) sehala dan *Post Hoc Tukey HSD* digunakan untuk melihat perbezaan gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan status penglibatan atlet. Status penglibatan atlet dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu atlet yang mewakili negeri peringkat MSSM (Majelis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia), atlet yang mewakili negeri peringkat SUKMA (Sukan Malaysia), dan atlet yang mewakili negara.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan tahap penglibatan atlet secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet bagi dimensi sokongan sosial adalah signifikan [$F(2, 203) = 4.385, p < 0.05$] berdasarkan tahap penglibatan atlet.

Status yang berbeza adalah antara atlet

yang mewakili negeri MSSM dengan atlet yang mewakili negara berdasarkan jadual 6. Ujian *Post Hoc Tukey HSD* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan (perbezaan I-J = .323, $p < .018$) antara atlet yang mewakili negeri MSSM dengan atlet yang mewakili negara.

Oleh yang demikian, hipotesis nol 3 yang menyatakan bahawa “tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan tahap penglibatan atlet” adalah ditolak.

Sementara itu, berdasarkan jadual 7, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara gaya kepimpinan jurulatih bagi dimensi latihan dan arahan dengan kepuasan atlet ($r = .687, p < .05$) dan kekuatan korelasi bagi dimensi latihan dan arahan dengan kepuasan atlet adalah sederhana (Chua Yan Piaw, 2006b).

Jadual 8:
 Pengaruh Gaya Kepimpinan Jurulatih terhadap Kepuasan Atlet

Gaya Kepimpinan Jurulatih	β	t	p
Dimensi Latihan Dan Arahan	.687	13.497	.000

Maklumat :

Dimensi Latihan Dan Arahan:

* $p < 0.05$

$R^2 = .472$

$AR^2 = .469$

$F = 182.170$

$p = .000$

n = 206

Sementara itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara dimensi demokratik dengan kepuasan atlet ($r = .493$, $p < .05$) dan kekuatan korelasi bagi dimensi demokratik dengan kepuasan atlet adalah lemah. Selain daripada itu, dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara dimensi autokratik dengan kepuasan atlet ($r = .153$, $p < .05$) dan kekuatan korelasi bagi dimensi ini dengan kepuasan atlet adalah sangat lemah. Manakala bagi dimensi sokongan sosial, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan dengan kepuasan atlet ($r = .434$, $p < .05$) dan kekuatan korelasi adalah lemah.

Di samping itu, kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara dimensi maklum balas positif dengan kepuasan atlet ($r = .461$, $p < .05$) dan kekuatan korelasi adalah lemah. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara keseluruhan gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet ($r = .586$, $p < .05$) dan kekuatan korelasi adalah sederhana. Oleh yang demikian, hipotesis nol 5 yang menyatakan bahawa “*tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesemua gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet*” adalah ditolak.

Merujuk kepada jadual 8, pemboleh ubah kriteria dalam kajian ini adalah kepuasan atlet, manakala pemboleh ubah peramal pula adalah gaya kepimpinan jurulatih yang dibahagikan kepada lima dimensi, iaitu dimensi latihan dan arahan, dimensi demokratik, dimensi autokratik, dimensi sokongan sosial, dan

dimensi maklum balas positif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara signifikan satu pemboleh ubah peramal, iaitu dimensi latihan dan arahan ($\beta = .68$, $t(206) = 13.497$, $p < .05$), merupakan faktor utama gaya kepimpinan jurulatih kepada kepuasan atlet.

Hanya satu pemboleh ubah peramal sahaja menyumbang sebanyak 47.2 peratus ($r = .687$) perubahan varians dalam kepuasan atlet [$F(1, 204) = 182.170$, $p < .05$]. Oleh yang demikian, hipotesis nol 6 bahawa “*tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet terhadap kepuasan atlet*” adalah ditolak. Terdapat satu pemboleh ubah peramal yang signifikan iaitu dimensi latihan dan arahan.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan dimensi latihan dan arahan, dimensi demokratik, dimensi autokratik, dimensi sokongan sosial, dan dimensi maklum balas positif, serta keseluruhan gaya kepimpinan jurulatih berdasarkan jantina atlet. Dapatan kajian juga mendapati kedua-dua atlet, iaitu lelaki dan perempuan, menggemari gaya kepimpinan jurulatih bagi dimensi latihan dan arahan.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini bercanggah dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Lim Khong Chiu & Ahmad Tajuddin (2005), yang menyatakan bahawa atlet lelaki menggemari jurulatih yang mengamalkan gaya kepimpinan dimensi sokongan sosial, manakala atlet perempuan pula gemar kepada dimensi maklum balas positif. Begitu juga dapatan kajian K.C. Collins

(2002), yang menyatakan bahawa kedua-dua atlet lelaki dan perempuan gemar kepada jurulatih yang mengamalkan gaya kepimpinan dimensi sokongan sosial. Manakala dapatan kajian H.A. Reimer & K. Toon (2001) juga berbeza dengan menyatakan bahawa atlet wanita lebih menggemari gaya kepimpinan jurulatih yang mengamalkan dimensi sokongan sosial, sementara atlet lelaki lebih cenderung kepada gaya kepimpinan dimensi autokratik.

Walaupun begitu, dapatan kajian ini seiring dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Asiah Mohd Pilus & Rosli Saadan (2005 dan 2008), yang menyatakan bahawa kedua-dua jantina, iaitu atlet lelaki dan perempuan, gemar kepada jurulatih yang mengamalkan gaya kepimpinan dimensi latihan dan arahan.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan bagi dimensi latihan dan arahan, dimensi demokratik, dan keseluruhan gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan kategori sukan individu dan sukan berpasukan. Dapatan kajian ini didapati berbeza berdasarkan dimensi latihan dan arahan bagi atlet sukan individu adalah lebih tinggi berbanding sukan berpasukan. Manakala bagi dimensi demokratik bagi atlet sukan individu adalah lebih tinggi berbanding bagi atlet sukan berpasukan. Begitu juga dengan keseluruhan gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet bagi sukan individu adalah lebih tinggi berbanding sukan berpasukan.

Dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh P. Chelladurai (1984) dan P. Chelladurai & E. Ogasawara (2003), yang mendapati bahawa atlet *open sports* (acara berpasukan) lebih gemar kepada gaya kepimpinan jurulatih bagi dimensi latihan dan arahan, berbanding atlet yang berkecimpung dalam acara sukan yang bersifat *closed sports* (acara individu). Begitu juga dengan gaya kepimpinan bagi dimensi demokratik yang digemari oleh atlet yang tidak bergantung kepada jurulatih.

Di samping itu, dapatan kajian ini juga bertentangan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Asiah Mohd Pilus & Rosli Saadan (2008), yang mendapati bahawa pemain sepak takraw (acara berpasukan) menggemari gaya kepimpinan jurulatih bagi dimensi latihan dan arahan. Di samping itu, dapatan kajian ini juga

berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh P.J. Sullivan & A. Kent (2003), yang menyatakan bahawa atlet sukan berpasukan menggemari dimensi latihan dan arahan, sementara atlet sukan individu menggemari dimensi demokratik.

Dapatan kajian oleh P. Chelladurai & S.D. Salleh (1980) dan H.A. Riemer & P. Chelladurai (1995) juga bertentangan dengan dapatan kajian ini, iaitu atlet sukan berpasukan lebih menggemari dimensi latihan dan arahan berbanding atlet sukan individu. Dapatan kajian ini juga berbeza dengan dapatan kajian Chin Tsai Wen (2010), yang menyatakan bahawa atlet dari kedua-dua acara sukan menggemari dimensi maklum balas positif, diikuti oleh latihan dan arahan, serta dimensi demokratik.

Dapatan kajian ini juga bertentangan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh J. Liukkonen & S. Salminen (1990), yang menyatakan bahawa atlet acara berpasukan sangat menggemari jurulatih yang mengamalkan gaya kepimpinan autokratik. Atlet tidak berminat kepada jurulatih yang mengamalkan gaya kepimpinan bagi dimensi demokratik. Oleh yang demikian, dapatlah dinyatakan bahawa gaya kepimpinan yang digemari oleh atlet adalah berbeza berdasarkan tahap kematangan mereka, seperti yang dinyatakan oleh P. Hersey & K.H. Blanchard (1982) yang menyatakan bahawa kematangan adalah satu-satunya pemboleh ubah situasi.

Atlet dalam kajian ini adalah berumur antara enam belas hingga sembilan belas tahun, iaitu atlet di sekolah menengah, manakala atlet yang dikaji oleh penyelidik terdahulu adalah atlet yang menuntut ilmu di kolej dan universiti; maka sudah pasti, tahap kematangan mereka berbeza dan kegemaran mereka terhadap gaya kepimpinan jurulatih juga berbeza. Kenyataan ini juga disokong melalui teori trait oleh G.W. Allport (1961), yang menyatakan bahawa setiap individu adalah dinamik kerana personaliti mereka berkembang dan berubah dari masa ke masa.

Berdasarkan penyelidikan ini, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan bagi gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet berdasarkan status penglibatan atlet secara keseluruhannya.

Status penglibatan atlet dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu atlet yang mewakili negeri peringkat MSSM (Majelis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia), atlet yang mewakili negeri peringkat SUKMA (Sukan Malaysia), dan atlet yang mewakili negara. Walau bagaimanapun, gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet bagi dimensi sokongan sosial adalah berbeza berdasarkan status penglibatan atlet.

Status yang berbeza adalah antara atlet yang mewakili negeri MSSM dengan atlet yang mewakili negara. Atlet yang mewakili negeri MSSM lebih gemar jika jurulatih mengamalkan gaya kepimpinan dimensi sokongan sosial, berbanding atlet yang mewakili negara. Atlet MSSM boleh dianggap sebagai atlet yang masih baru berkecimpung dalam sukan, sementara atlet yang mewakili negara adalah atlet yang telah lama bergiat dalam sukan.

Dapatan ini adalah berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh S. Serpa (1990), yang menyatakan bahawa atlet yang baru (junior) dan lama (senior) menggemari jurulatih yang mengamalkan dimensi sokongan sosial semasa latihan. Begitu juga dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh J. Liukkonen & S. Salminen (1990), yang menyatakan bahawa atlet remaja Finland yang berkemampuan tinggi lebih gemar kepada jurulatih yang mengamalkan gaya kepimpinan dimensi autokratik; dan atlet dari kumpulan ini tidak berminat kepada jurulatih yang mengamalkan gaya kepimpinan dimensi demokratik, sokongan sosial, dan maklum balas positif.

Dapatan kajian ini juga bertentangan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh L.H.P. Vilani & D.M. Samulski (2009), yang menyatakan bahawa atlet senior (16 hingga 18 tahun) menggemari jurulatih yang mengamalkan gaya kepimpinan dimensi sokongan sosial, sementara atlet junior (12 hingga 15 tahun) pula menggemari jurulatih yang mengamalkan gaya kepimpinan dimensi maklum balas positif dan dimensi latihan dan arahan. Dapatan kajian ini setara dengan Shahrudin Abd Aziz (2005), yang menyatakan bahawa atlet baharu gemar kepada jurulatih yang mengamalkan gaya kepimpinan dimensi maklum balas positif dan dimensi latihan dan arahan. Sementara atlet senior cenderung kepada jurulatih yang mengamalkan gaya

kepimpinan dimensi demokratik dan dimensi sokongan sosial.

Berdasarkan dapatan P. Chelladurai (1990), atlet yang senior telah lama berkecimpung dalam arena sukan dan telah mempunyai hubungan interpersonal yang agak lama dengan para jurulatih. Selain daripada itu, persekitaran yang ditempuhi atlet senior adalah telah menjadi kebiasaan kepada mereka, manakala atlet junior pula memerlukan jurulatih yang mengamalkan gaya kepimpinan dimensi maklum balas positif, kerana jurulatih perlu mengukuhkan sikap dan sifat atlet terhadap program latihan yang direncanakan (Abd Aziz, 2005).

Perbezaan ini bersesuaian dengan "Teori Kepimpinan Situasi" oleh P. Hersey & K.H. Blanchard (1982), terutamanya yang berkaitan dengan tahap kematangan atlet yang sentiasa berubah. Teori ini juga bersesuaian dan diteguhkan lagi oleh "Teori Trait" oleh G.W. Allport (1961), yang menyatakan bahawa pengaruh persekitaran dapat juga membentuk tingkah-laku individu, terutama atlet yang mewakili negara, yang selalu bertanding di peringkat yang lebih tinggi dan mencabar.

Seterusnya, dalam penyelidikan ini terdapat lima gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet, iaitu: (1) dimensi latihan dan arahan, (2) dimensi demokratik, (3) dimensi autokratik, (4) dimensi sokongan sosial, dan (5) dimensi maklum balas positif. Sementara kepuasan atlet pula terbahagi kepada tujuh aspek, iaitu: (1) aspek pencapaian individu, (2) aspek pencapaian pasukan, (3) aspek strategi, (4) aspek latihan dan arahan, (5) aspek perpaduan pasukan, (6) aspek dedikasi individu, dan (7) aspek rawatan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara lima gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet dengan kepuasan atlet. Dapatan kajian ini berlawanan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh H.A. Reimer & K. Toon (2001) yang mendapati terdapat perbezaan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet. Perbezaan tersebut adalah bagi dimensi latihan dan arahan dengan aspek latihan dan arahan, dimensi maklum balas positif dengan pencapaian pasukan, dan dimensi demokratik dengan pencapaian individu.

Selain daripada itu, mengenai kepuasan atlet yang dibahagikan kepada tujuh aspek, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet dengan aspek kepuasan atlet. Perbezaan yang pertama dapat dilihat dalam dimensi latihan dan arahan dengan dimensi autokratik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara dimensi latihan dan arahan dengan dimensi autokratik. Perbezaan yang kedua ialah dimensi maklum balas positif dengan dimensi autokratik. Di samping itu terdapat perbezaan gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet dengan kepuasan atlet bagi aspek pencapaian individu. Perbezaan ini dapat dilihat dalam dimensi latihan dan arahan dengan dimensi autokratik, dengan dimensi latihan dan arahan adalah lebih tinggi berbanding dimensi autokratik.

Sementara itu, terdapat perbezaan gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet dengan kepuasan atlet bagi aspek strategi. Perbezaan ini dapat dilihat dalam dimensi latihan dan arahan dengan dimensi autokratik, dengan dimensi latihan dan arahan adalah lebih tinggi berbanding dimensi autokratik. Sementara itu, perbezaan yang seterusnya adalah antara dimensi latihan dan arahan dengan dimensi sokongan sosial, yang mana dapatan kajian mendapati bahawa dimensi latihan dan arahan adalah lebih tinggi berbanding dimensi sokongan sosial. Di samping itu, perbezaan seterusnya adalah antara dimensi maklum balas positif dengan dimensi autokratik, yang mana dapatan kajian menunjukkan bahawa dimensi maklum balas positif lebih tinggi berbanding dimensi autokratik.

Berdasarkan objektif kajian dalam penyelidikan ini, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet dengan kepuasan atlet. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Asiah Mohd Pilus & Rosli Saadan (2005), yang mendapati terdapatnya hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet. Dapatan ini juga bersamaan dengan saranan F.L. Smoll & R.E. Smith (1989), melalui "Model Tingkah-Laku Kepimpinan",

yang menyatakan bahawa wujud hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan atlet apabila jurulatih melakukan tugas mereka seperti yang dirancang dan atlet pula dapat memahami perkara yang dilakukan oleh jurulatih mereka, serta bertindak balas terhadap berdasarkan situasi semasa program latihan dilaksanakan, sama ada ketika fasa persediaan, fasa pertandingan, mahupun fasa transisi. Selain daripada itu, hubungan yang wujud juga disebabkan jurulatih harus memainkan peranan mereka kerana atlet terdiri dari berbagai personaliti, seperti jantina dan tahap penglibatan dalam sukan. Bagi atlet yang mewakili MSSM (Majelis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia) sudah tentu berbeza gaya kepimpinan jurulatih berbanding dengan atlet yang mewakili SUKMA (Sukan Malaysia) dan negara.

Seterusnya, dapatan kajian ini juga seiring dengan dapatan kajian Shahrudin Abd Aziz (2005), yang menyatakan bahawa terdapat hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet. Dapatan kajian beliau juga selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh P. Chelladurai (1984), yang menyatakan bahawa terdapat hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet, dengan menekankan pula bahawa dimensi latihan dan arahan serta dimensi maklum balas positif mempengaruhi kepuasan atlet dalam tiga kumpulan yang dikaji, iaitu sukan bola keranjang, olahraga, dan acara gusti.

Selain itu, dapatan kajian ini juga bersamaan dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh T. Horne & A.V. Carron (1985), yang menyatakan bahawa terdapat hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet, dan mereka juga menyatakan bahawa dimensi maklum balas positif merupakan dimensi yang banyak mempengaruhi kepuasan atlet berbanding dimensi autokratik. Dapatan ini juga disokong oleh Ziad al-Tahayneh (2003), yang mendapati bahawa terdapat hubungan antara gaya kepimpinan jurulatih dengan kepuasan atlet, terutamanya dimensi latihan dan arahan, dimensi demokratik, dimensi sokongan sosial, dan maklum balas positif.

Sementara itu, A. Cakioglu (2003) juga menyatakan bahawa kurangnya fokus jurulatih kepada gaya kepimpinan mereka menyebabkan

tahap pencapaian dan kepuasan atlet menurun. Dapatan ini dikukuhkan lagi oleh J. Frontiera (2006), yang menyatakan bahawa dengan mengetahui dimensi gaya kepimpinan yang disukai oleh atlet membantu jurulatih untuk merancang dan mengurus program latihan dengan lebih yakin, bermotivasi, dan pada masa yang sama atlet merasa seronok semasa program latihan dilaksanakan. Kesan daripada tindakan jurulatih, secara tidak langsung, dapat meningkatkan kepuasan atlet.

Di samping itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa gaya kepimpinan jurulatih bagi dimensi latihan dan arahan merupakan pengaruh yang utama terhadap kepuasan atlet bagi kesemua aspek. Bagi meningkatkan keberkesanan program latihan, para jurulatih harus menggunakan gaya kepimpinan dimensi latihan dan arahan, seperti yang dikehendaki oleh atlet dari kedua-dua buah sekolah sukan, iaitu SSBJ (Sekolah Sukan Bukit Jalil) dan SSBP (Sekolah Sukan Bandar Penawar) di Malaysia.

Dapatan ini disokong oleh P. Chelladurai (1984); T. Horne & A.V. Carron (1985); C.J. Mallet (2003); Ziad al-Tahayneh (2003); dan L.H.P. Vilani & D.M. Samulski (2009), yang menyatakan bahawa gaya kepimpinan jurulatih bagi dimensi latihan dan arahan mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap kepuasan dan pencapaian atlet. Namun demikian, dapatan kajian ini berbeza dengan E.S. Schliesman (1987), yang mendapati bahawa dimensi demokratik dan dimensi sokongan sosial merupakan peramal utama bagi gaya kepimpinan jurulatih terhadap kepuasan atlet.

Justeru itu, jurulatih harus memberikan perhatian dan tumpuan kepada dimensi ini semasa berurusan dengan atlet sekolah sukan. Antara perkara yang harus difokuskan ialah menerangkan kepada atlet mengenai teknik dan taktik dalam sukan, mengajar atlet secara individu bagi setiap kemahiran, mengenal pasti kelemahan dan kekuatan atlet, membuat pemantauan setiap daya usaha atlet, dan memberikan penjelasan yang terperinci kepada atlet berkaitan kemahiran, strategi, dan aspek sains sukan.

Walaupun dapatan kajian ini berbeza atau seiring dengan dapatan kajian terdahulu, namun dapatan kajian setiap penyelidik

mempunyai kebenaran jika dirujuk kepada F.L. Smoll & R.E. Smith (1989), yang menyatakan bahawa gaya kepimpinan jurulatih dipengaruhi oleh sikap dan sifat atlet itu sendiri. Jika atlet yang mempunyai tahap keyakinan yang rendah, mungkin gaya kepimpinan yang akan digunakan oleh jurulatih adalah berbeza dengan atlet yang mempunyai tahap keyakinan yang tinggi, atau pun jurulatih akan menggunakan gaya kepimpinan bagi dimensi yang berbeza bagi atlet yang mewakili negara berbanding atlet yang hanya mewakili MSSM (Majelis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia), begitu juga atlet junior dengan atlet yang senior.

Menurut F.L. Smoll & R.E. Smith (1989), penggunaan gaya kepimpinan yang berbeza ini dilakukan dengan tujuan dan matlamat yang sama, iaitu jurulatih dapat memuaskan hati atlet yang mereka latih. Kenyataan ini disokong oleh G. Neil & S.L. Kirby (1985), yang menyatakan bahawa atlet yang muda dan berkemahiran rendah lebih menggemari gaya kepimpinan secara individu berbanding dengan atlet yang senior dan berkemahiran tinggi. Pandangan yang sama diutarakan oleh P. Hersey & K.H. Blanchard (1982), yang menyatakan bahawa situasi yang berbeza menyebabkan jurulatih akan menggunakan gaya kepimpinan yang berbeza. Jurulatih perlu menggunakan gaya kepimpinan yang berbeza berdasarkan tahap kematangan atlet, seperti yang dinyatakan oleh P. Hersey & K.H. Blanchard (1982) dalam "Teori Kepimpinan Situasi", adalah berbeza. Contohnya, tahap penglibatan atlet, umur atlet, kategori sukan yang diceburi atlet, dan sebagainya.

Tahap kematangan atlet, dalam kajian ini, boleh dibahagikan kepada dua. *Pertama*, berdasarkan tempoh penglibatan dalam sukan. Hampir 68% atlet yang dikaji berkecimpung dalam sukan melebihi tempoh lima tahun. Semakin lama atlet berada dalam persekitaran sukan, tahap kematangan mereka akan semakin meningkat, terutamanya atlet yang selalu menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa. Pengalaman mereka bertanding di peringkat yang tinggi dan mencabar menyumbang kepada tahap kematangan mereka dalam sukan yang diceburinya.

Kedua, tahap penglibatan atlet yang dikaji

dalam sukan. Hampir 47% dari kedua-dua buah sekolah SSBJ (Sekolah Sukan Bukit Jalil) dan SSBP (Sekolah Sukan Bandar Penawar) di Malaysia mewakili negara. Oleh yang demikian, pada tahap pertandingan yang mencabar dan sengit, seperti Kejohanan Sekolah-kolah ASEAN (*Association of South East Asia Nations*), Sukan SEA (*South East Asia*), Sukan Asia, dan sebagainya dapat meningkatkan lagi tahap kematangan atlet, terutama apabila dapat bertanding dan bersaing dengan atlet-atlet dari luar negara. Kesannya, tahap keyakinan atlet bertambah dan secara tidak langsung tahap kematangan atlet juga meningkat. Kenyataan ini dikukuhkan lagi dengan dapatan kajian ini, seperti yang telah ditunjukkan dalam jadual 6 terdahulu, iaitu terdapat perbezaan antara atlet yang mewakili MSSM (Majelis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia) dengan atlet yang mewakili negara.

KESIMPULAN

Berhubung dengan kajian ini, walaupun dapatan menunjukkan bahawa terdapat hubungan dan pengaruh gaya kepimpinan jurulatih terhadap kepuasan atlet, namun begitu masih terdapat varians gaya kepimpinan jurulatih yang belum dapat dirungkai oleh pemboleh ubah peramal terhadap kepuasan atlet sekolah sukan. Dapatan kajian hanya menunjukkan 47% pengaruh gaya kepimpinan jurulatih terhadap kepuasan atlet sekolah sukan. Justeru itu, adalah dicadangkan kajian pada masa akan datang dapat mengenal pasti pemboleh ubah-pemboleh ubah peramal yang dapat menghuraikan varians terhadap kepuasan atlet sekolah sukan.

Terdapat dua faktor yang sangat berpengaruh bagi mencapai tahap kepuasan atlet dalam sukan, antaranya ialah faktor intrinsik dan faktor ekstrinsik. Walaupun faktor intrinsik, yang merupakan faktor dalaman diri atlet, boleh memberikan kepuasan dalam sukan, tetapi faktor-faktor ekstrinsik juga menyumbang kepada tahap kepuasan atlet dalam sukan. Oleh yang demikian, faktor seperti dimensi latihan dan arahan dalam gaya kepimpinan jurulatih perlu diberikan perhatian oleh jurulatih semasa melaksanakan program latihan dalam meningkatkan tahap kepuasan atlet dalam sukan.

Bibliografi

- Abd Aziz, Shaharudin. (2005). "Perkaitan antara Matlamat dan Stail Kepimpinan dengan Pencapaian Atlet SUKMA (Sukan Malaysia) Negeri Perak di Kejohanan SUKMA 2004" dalam *Wacana Penyelidikan UPSI (Universiti Pendidikan Sultan Idris, 13. Tanjong Malim, Malaysia: UPSI Press.*
- Allport, G.W. (1961). *Pattern and Growth in Personality*. New York: Holt, Rinehart Winston Publisher.
- al-Tahayneh, Ziad. (2003). *The Effects of Coaches' Behaviors and Burnout on the Satisfaction and Burnout of Athletes: Published Ph.D. Dissertation*. Florida, USA: Department of Sport Management, Recreation Management and Physical Education, Florida State University.
- Babbie, E.R. (2001). *The Practice of Social Research*. Belmont, California: Wadsworth Thompson Learning, 9th edition.
- Barrow, J.C. (1977). "The Variables of Leadership: A Review and Conceptual Framework" dalam *Academy of Management Review*, 2, ms.231-232.
- Bass, B.M. (1985). *Leadership and Performance Beyond Expectations*. New York: Free Press.
- Cakioglu, A. (2003). "Leadership and Satisfaction in Soccer: Examination of Congruence and Players' Position". *Unpublished Master Thesis*. USA: Department of Physical Education and Sport, Middle East Technical University.
- Chelladurai, P. (1984). "Discrepancy between Preferences and Perceptions of Leadership Behavior and Satisfaction of Athletes in Varying Sport" dalam *Journal of Sport Psychology*, 6, ms.27-41.
- Chelladurai, P. (1990). "Leadership in Sport: A Review" dalam *International Journal of Sport Psychology*, 21, ms.328-354.
- Chelladurai, P. et al. (1988). "Sport Leadership in a Cross-National Setting: The Case of Japanese and Canadian University" dalam *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 10, ms.374-389.
- Chelladurai, P. & E. Ogasawara. (2003). "Satisfaction and Commitment of American and Japanese Collegiate Coaches" dalam *Journal of Sport Management*, 17, ms.62-73.
- Chelladurai, P. & J. Kent. (2001). "Perceived Transformational Leadership, Organizational Commitment, and Citizenship Behavior: A Case Study in Intercollegiate Athletics" dalam *Journal of Sport Management*, 15, ms.135-159.
- Chelladurai, P. & S.D. Salleh. (1980). "Dimensions of Leader Behavior in Sports: Development of a Leadership Scale" dalam *Journal of Sport Psychology*, 2, ms.34-45.
- Collins, K.C. (2002). "An Examination of Factors Influencing Entrapment and Burnout among Collegiate Female Field Hockey and Lacrosse Coaches". *Unpublished Doctoral Dissertation*. Greensboro, USA: University of North Carolina.
- Din, Anuar. (2010). "Gaya Kepimpinan, Pengurusan Program Latihan, dan Kepuasan Kerja Jurulatih terhadap Kepuasan Atlet Sekolah Sukan". Tesis

- Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan. Kota Kinabalu, Sabah: Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS [Universiti Malaysia Sabah].
- Fouss, D.E. & R.J. Troppman. (1981). *Effective Coaching: A Psychological Approach*. New York: John Wiley & Sons.
- Frontiera, J. (2006). "The Relationship between Leadership, Efficacy Belief, and Performance among Boys' High School Basketball Players". *Unpublished Master Thesis*. West Virginia, USA: West Virginia University.
- Gert, B.V. et al. (2007). "Influence Coaches Behavior on the Performance of Topsport Student in Individual and Team Sports" dalam *Proceedings Universiade Bangkok 2007, FISU Conference, 24th*, ms.238-242.
- Gibbons, T. et al. (2003). "U.S. Olympians Describe the Success Factors and Obstacles that Most Influenced their Olympic Development. Phase II: Results of the Talent Identification and Development Questionnaire to U.S. Olympians" dalam *Community Outreach and Coaching and Sport Sciences Divisions*. USA: t.p.
- Greenleaf, C., D. Gould & K. Dieffenbach. (2001). "Factors Influencing Olympic Performance: Interviews with Atlanta and Nagano U.S. Olympians" dalam *Journal of Applied Sport Psychology*, 13, ms.154-184.
- Hersey, P. & K.H. Blanchard. (1982). *Management of Organization: Utilizing Human Resources*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall, 4th edition.
- Horne, T. & A.V. Carron. (1985). "Compatibility in Coach-Athlete Relationships" dalam *Journal of Sport Psychology*, 7, ms.137-149.
- Issac, S. & W.B. Michael. (1983). *Handbook in Research and Evaluation*. California: EDITS Publication, 2nd edition.
- Khong Chiu, Lim & Ahmad Tajuddin. (2005). "Athletes' Perceptions towards Coaches Leadership Behaviors and its Relationship with Achievement Orientation" dalam *Proceeding 1st Asia Pacific Sports Science Conference 2005*. Kota Kinabalu, Sabah: 27-29 March, ms.234-243.
- Liukkonen, J. & S. Salminen. (1990). "The Athletes' Perception of Leader Behavior of Finnish Coaches" dalam *World Congress on Sport for All*. Tampere, Finland: June 3-7, ms.76-84.
- Mallet, C.J. (2003). "Why the Fire Burn so Brightlt" dalam *International Journal of Sports Psychology*, 3, ms.117-131.
- Najib Gaffar, Mohd. (2000). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: UTM [Universiti Teknologi Malaysia].
- Neil, G. & S.L. Kirby. (1985). "Coaching Styles and Preferred Leadership among Rowers and Paddlers" dalam *Journal of Sport Behavior*, 8, ms.3-17.
- Pilus, Asiah Mohd & Rosli Saadan. (2005). "Coaching Leadership Style and Athlete Satisfaction in Sport Team" dalam *Proceeding 1st Asia Pacific Sports Science Conference 2005*. Kota Kinabalu, Sabah: 27-29 March, ms.501-535.
- Pilus, Asiah Mohd & Rosli Saadan. (2008). "Motif Penglibatan dan Kepuasan di Kalangan Atlet UteM terhadap Penyertaan Sukan MASUM" dalam *Prosiding, 2nd Tlk Danga Convention*. Johor Baharu, Malaysia.
- Reimer, H.A. & K. Toon. (2001). "Leadership and Satisfaction in Tennis: Examination of Congruence, Gender, and Ability" dalam *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 72(3), ms.243-256.
- Riemer, H.A. & P. Chelladurai. (1995). "Leadership and Satisfaction in Athletics" dalam *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 17, ms.276-293.
- Riemer, H.A. & P. Chelladurai. (1997). "A Classification of Athlete Satisfaction" dalam *Journal of Sport Management*, 11, ms.133-159.
- Riemer, H.A., & P. Chelladurai. (1998). "Development of the Athlete Satisfaction Questionnaire (ASQ)" dalam *Journal of Sport exercise psychology*, 20, ms.127-156.
- Schliesman, E.S. (1987). "Relationship between the Congruence of Preferred and Actual Leader Behavior and Subordinate Satisfaction with Leadership" dalam *Journal of Sport Behavior*, 10, ms.157-166.
- Serpa, S. (1990). "Research Work on Sport Leadership in Portugal". *Unpublished Manuscript*. Lisbon, Portugal: Lisbon Technical University.
- Serpa, S, V. Pataco & F. Santos. (1991). "Leadership Patterns in Handball International Competition" dalam *International Journal of Sport Psychology*, 22(1), ms.79-89.
- Smoll, F.L. & R.E. Smith. (1989). "Leadership Behaviors in Sport: A Theoretical Model and Research Paradigm" dalam *Journal of Applied Social psychology*, 19, ms.1522-1551.
- Sullivan, P.J. & A. Kent. (2003). "Coaching Efficacy as a Predictor of Leadership Style in Intercollegiate Athletics" dalam *Journal of Applied Sport Psychology*, 15, ms.1-11.
- Tsai Wen, Chin. (2010). "The Training Satisfaction of the University Table Tennis Players of General Group" dalam *International Journal of Table Tennis Sciences*, 6, ms.121-127.
- Vilani, L.H.P. & D.M. Samulski. (2009). "Situational Leadership II and the Coach-Athlete Relationship in Brazil Table Tennis". Tersedia [online] juga dalam http://www.cbtm.org.br/scripts/arquivos/Artigo_vilani_9_ITTF.pdf [dilayari di Kota Kinabalu, Malaysia: 14hb Januari 2013].
- Yan Piaw, Chua. (2006a). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Buku 1: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Yan Piaw, Chua. (2006b). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan, Buku 2: Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.



Lee Chong Wei, Atlet Jaguh Badminton Negara Malaysia
(Sumber: www.google.com, 24/8/2013)

Kejayaan seseorang atlet, sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antaranya ialah faktor intrinsik atlet, bantuan moral dari pihak keluarga, prestasi kemahiran yang semakin baik, dan gaya kepimpinan jurulatih. Selain itu, terdapat juga faktor ekstrinsik yang menyebabkan atlet cemerlang, seperti faktor kepuasan kerja jurulatih, pengurusan program latihan yang dijalankan oleh seseorang jurulatih, faktor pengiktirafan dan penghargaan seperti wang, pingat kecemerlangan, serta gelaran yang diberikan oleh pihak-pihak tertentu.